

**NO. SOALAN : 155**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG**  
**[ MIRI ]**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peruntukan bajet sera rancangan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang baik di Miri terutamanya kemudahan pengangkutan awam bagi laluan ke Hospital Umum Miri dan poliklinik-poliklinik di kawasan Miri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak selaku agensi pelesenan telah mengambil inisiatif bagi menubuhkan tiga (3) jawatankuasa untuk menilai semula dan menambahbaik aspek-aspek pelesenan yang perlu dipatuhi oleh pengusaha baharu yang berhasrat untuk menjadi operator Bas Berhenti-henti (*stage bus*) di Miri.

2. Ini termasuklah menetapkan spesifikasi bas yang akan digunakan untuk pekhidmatan Bas Berhenti-henti dan spesifikasi mesin tiket. Selain itu, LPKP Sarawak kini sedang melaksanakan kajian penstrukturan semula laluan dan kekerapan perkhidmatan bas berhenti-henti di Miri.

3. Kesemua inisiatif ini disasar dapat disediakan pada tahun ini dan akan membuka serta mempelawa penglibatan operator baru bas berhenti-henti di Miri sekaligus meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan keselesaan kepada penumpang dalam menggunakan perkhidmatan ini di Miri termasuklah di laluan-laluan Hospital Umum dan poliklinik-poliklinik di Bandaraya Miri.

4. LPKP Sarawak turut telah memberi kelonggaran kawasan operasi lesen kepada kereta sewa untuk meluaskan perkhidmatan di laluan-laluan tumpuan ramai seperti di Hospital Umum Miri. Perkhidmatan teksi juga digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan

mereka di kawasan hospital dan klinik kesihatan bagi kemudahan orang ramai.

5. Di samping itu, kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menyediakan Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-Henti (*Interim Stage Bus Support Fund - ISBSF*) manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menyalurkan bantuan subsidi diesel kepada pengusaha bas berhenti-henti yang layak. Bantuan dan subsidi ini telah diberikan oleh Kerajaan bagi membantu meringankan kos operasi pengusaha Bas Berhenti-henti agar memastikan perkhidmatan mereka dapat terus ditawarkan untuk kegunaan rakyat.

Sekian, terima kasih.